

Jangan lupakan pengorbanan pejuang2—Dr M

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat bahawa semangat kebangsaan akan lumpuh jika generasi muda sekarang melupakan perjuangan para pejuang kebangsaan sewaktu menuntut kemerdekaan dahulu.

Perdana Menteri kekal kerana ada setengah golongan muda yang cuba memperkecil-kecilkan perjuangan para pe-

juang itu, lalu beliau menafsirkan mereka sebagai golongan yang tidak tahu bersyukur.

"Mereka tidak menghargai pengorbanan para pejuang kebangsaan yang menentang penjajahan di negara ini, mereka memperkecil-kecilkan usaha itu dan sanggup pula berkata bahawa negara ini mencapai kemerdekaan di atas talem emas tanpa mengorbankan jiwa," katanya.

Bellau menegaskan, itu adalah pandangan yang salah dan perlu diperbetulkan segera kerana semangat kebangsaan akan lumpuh jika gejala itu tidak dibendung dari sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presi-

den Umno menyatakan demikian di majlis meraikan lebih 400 pejuang menentang penubuhan Malayan Union di Rumah Malaysia, malam tadi.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Datin Maria dan Pengerusi Jawatankuasa Pusat Sambutan Hari Kebangsaan, Datuk Samsul Juid.

Kagum

Perdana Menteri berkata, sepatutnya mereka mesti kagum dengan semangat dan perjuangan para pejuang itu yang menghadapi berbagai-bagai rintangan tetapi berjaya juga mencapai matlamat sehingga penubuhan Malayan Union

dibatalkan.

"Mereka tidak mempunyai senjata, tidak mempunyai askar dan tidak juga mempunyai cerdik pandai untuk mengatur strategi menentang penjajah kerana yang ada pada mereka hanya semangat kebangsaan untuk mempertahankan maruah bangsa dan tanahair," ujarnya.

Menurut beliau, semangat perpaduan itulah yang perlu ditamatkan di jiwa setiap individu bagi menjamin negara yang kukuh dan padu.

Datuk Seri Dr Mahathir seterusnya meminta para pejuang kebangsaan supaya meneruskan perjuangan mereka membentuk kepimpinan kepincangan yang lahir



Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

□ SEBAHAGIAN dari 400 orang pejuang menentang Malayan Union asyik melihat, Encik Ramlee Saat, Penolong Ketua Penyunting BH memperoses berita menggunakan video display terminal yang disambung kepada komputer.